

10 NOV 2003

GLORY-KESELAMATAN/I

MULTIMEDIA GLORY BERHASRAT PERLUAS SISTEM KESELAMATAN

CYBERJAYA, 10 Nov (Bernama) -- Multimedia Glory Sdn Bhd (MGSB) yang membekalkan sistem keselamatan cap jari biometrik yang digunakan ketika Tun Dr Mahathir Mohamad mendaftar keluar Jabatan Perdana Menteri pada 31 Okt. dan ketika Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendaftar masuk pada 3 Nov. lepas, berhasrat untuk memperluaskan sistem keselamatannya itu.

Pengarah eksekutif MGSB, N. Srikanthan, berkata selain Jabatan Perdana Menteri, sistem keselamatan biometrik itu juga dipasang di Seri Perdana dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA).

Kini ia berharap untuk memperluaskan sistem keselamatannya untuk 30 lagi lapangan terbang di Malaysia dan kemudian lapangan-lapangan terbang Asean lain, katanya kepada sidang media di sini hari ini.

Syarikat berstatus MSC itu berharap akan dapat mula memasang sistem berkenaan di lapangan terbang antarabangsa Malaysia yang lain pada tahun depan.

MGSB yang memenangi Anugerah ICT Asia Pasifik MSC (APICTA) 2003, merupakan antara 19 penama lain yang akan ke APICTA 2003 antarabangsa yang akan diadakan di Bangkok pada 6-8 Dis depan.

Peserta lain yang akan dihantar oleh Malaysia ke majlis penganugerahan antarabangsa itu termasuk mereka yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan, e-kerajaan, e-dagang, pelancongan, pendidikan, keselamatan dan aplikasi untuk industri, hiburan, komunikasi kesihatan dan perniagaan. --
BERNAMA

SOM SD TJK JR